

KANDUNGAN

Kod Etika	muka surat 2
PERJANJIAN PENGEDAR	
1) Prinsip-prinsip Asas	muka surat 3
2) Kelayakan untuk Menyertai Pengekar CITIDIRECT INTERNATIONAL	muka surat 4
3) Hak yang diberi	muka surat 4
4) Hubungan Perdagangan	muka surat 5
5) Kewajipan Pengekar CITIDIRECT INTERNATIONAL terhadap segala Cukai Pendapatan dan Undang-undang Perdagangan berkenaan	muka surat 5
6) Kebenaran Kawasan Jualan/ Perdagangan Antarabangsa	muka surat 5
7) Harga	muka surat 5
8) Persembahan bagi Pengekar-pengekar CITIDIRECT INTERNATIONAL	muka surat 6
9) Melabel dan Membungkus	muka surat 7
10) Iklan dan Penggunaan Nama	muka surat 7
11) Pembatalan, Persaraan, Penamatan, Kematian atau Kecacatan	muka surat 8
12) Alasan untuk Perkhidmatan yang Kurang Memuaskan	muka surat 9
13) Penugasan dan Perwakilan	muka surat 9
14) Jaminan Terhadap	muka surat 9
15) Pelanggaran	muka surat 9
16) Bahan yang Berhak Cipta	muka surat 10
17) Peraturan-peraturan Eksklusif	muka surat 10
18) Pengampunan	muka surat 10

KOD ETIKA CITIDIRECT INTERNATIONAL

CITIDIRECT INTERNATIONAL merupakan perniagaan yang membekal produk-produk dan servis yang berkualiti tinggi kepada semua orang. Oleh demikian, Kod Etika CITIDIRECT INTERNATIONAL akan membantu anda membina perniagaan Citidirect anda. Perlanggaran mana-mana peruntukan Kod Etika, Perjanjian Pengekar atau lain-lain polisi dalam tulisan boleh menjadi alasan bagi tindakan penamatan keahlian pengedar.

> Saya akan bertindak dengan kejujuran dan keikhlasan.

> Saya tidak akan mengaku atau mewakili mana-mana produk yang tiada kelulusan CITIDIRECT INTERNATIONAL.

> Saya akan sentiasa memperkenalkan Pelan Kompensasi CITIDIRECT INTERNATIONAL dengan kejujuran dan ketepatan, dan berusaha untuk menjadi contoh kejayaan.

> Saya akan berusaha untuk memajukan perdagangan CITIDIRECT INTERNATIONAL saya.

> Saya tidak akan melibatkan diri dalam sebarang aktiviti yang boleh membawa kerugian atau kerosakan kepada CITIDIRECT INTERNATIONAL ataupun pengedar-pengedar CITIDIRECT INTERNATIONAL yang lain.

> Saya akan memastikan pelanggan-pelanggan saya berpuas hati dengan produk-produk CITIDIRECT INTERNATIONAL dan servis saya.

> Saya tidak akan menggunakan tanda perdagangan, nama perdagangan, nama produk, maklumat, kesusasteraan ataupun mana-mana sumber CITIDIRECT INTERNATIONAL untuk membina perniagaan bagi syarikat-syarikat yang lain.

> Saya akan menjalankan segala tugas kepimpinan dan penajaan dengan kejujuran dalam perniagaan CITIDIRECT INTERNATIONAL.

PERJANJIAN PENGEDAR CITIDIRECT INTERNATIONAL

Pemasaran CITIDIRECT INTERNATIONAL bergantung kepada penjualan secara runcit oleh pengedar-pengedar. Perjanjian dibawah berfungsi sebagai sebahagian daripada kontrak anda dengan CITIDIRECT INTERNATIONAL, dan sebarang kemungkiran boleh menjadi alasan bagi tindakan penamatan keahlian pengedar dan segala keuntungan yang berkaitan.

1. Prinsip-prinsip Asas

i) Tujuan Perjanjian Pengedar, Buku Panduan Perdagangan, Pemohonan Online, dan Permohonan Keahlian Pengedar (digelar sebagai Perjanjian secara kumpulan) adalah memberi keizinan kepada Pengedar CITIDIRECT INTERNATIONAL untuk menjual produk-produk CITIDIRECT INTERNATIONAL dan menjelaskan segala tugas, kewajipan dan tanggungjawab bagi pihak CITIDIRECT INTERNATIONAL dan pengedar CITIDIRECT INTERNATIONAL dalam urusan penjualan produk-produk CITIDIRECT INTERNATIONAL dari CITIDIRECT INTERNATIONAL kepada pengedar, dan urusan penjualan produk-produk tersebut dari pengedar kepada pelanggan-pelanggan.

ii) Pihak Pengedar CITIDIRECT INTERNATIONAL menerima Perjanjian ini dengan penuh keyakinan bahawa CITIDIRECT INTERNATIONAL akan sentiasa bertindak jujur dan melayan semua pengedar dengan adil.

iii) Pihak CITIDIRECT INTERNATIONAL menerima Perjanjian dengan Pengedar ini dengan penuh keyakinan bahawa para Pengedar akan membina perniagaan mereka tanpa kecurangan dan kesilapan bagi iklan harga dan servis yang menipukan atau mengelirukan. CITIDIRECT INTERNATIONAL juga percaya dengan keikhlasan dan kemahiran para Pengedar serta tujuan mereka untuk bertindak jujur dan menjalankan tugas, kewajipan dan perjanjian mereka terhadap CITIDIRECT INTERNATIONAL, pengedar-pengedar dan pelanggan-pelanggan, seperti yang dicetak dalam Perjanjian ini, dengan sepuh hati.

2. Kelayakan untuk Menyertai Pengedar CITIDIRECT INTERNATIONAL

- i) Sesiapa yang berumur lebih daripada 18 tahun berpeluang memohon menjadi seorang Pengedar CITIDIRECT INTERNATIONAL.
- ii) Setiap individu hanya boleh memegang satu Keahlian Pengedar sahaja. Mereka tidak boleh memegang Keahlian Pengedar yang lain, tidak kisah secara perseorangan ataupun perkongsian.

3. Hak yang diberi

- i) CITIDIRECT INTERNATIONAL akan memberi keizinan kepada Pengedar untuk membeli, menyimpan, mengembang dan menjual semula produk-produk CITIDIRECT INTERNATIONAL di mana-mana tempat tanpa melanggar peraturan dan undang-undang yang dicetak dalam Perjanjian ini.
- ii) Pengedar boleh menaja mana-mana individu yang berlayak menjadi pengedar CITIDIRECT INTERNATIONAL tanpa mengira had kawasan. Pengedar-pengedar yang baru saja ditaja mesti diberi peluang untuk membaca Buku Panduan Perdagangan yang terkini, mengisi dan menandatangani Borang Permohonan Keahlian Pengedar atau memohon secara on-line. Membeli satu Sales Kit dari CITIDIRECT INTERNATIONAL adalah wajib kecuali CITIDIRECT INTERNATIONAL membuat kempen-kempen keahlian atau promosi tertentu. CITIDIRECT INTERNATIONAL menerima kiriman Borang Permohonan atau secara on-line atau daripada penaja.
- iii) Pengedar boleh menaja individu-individu yang mahir atau tidak mahir dalam konsep network marketing, dan berminat membina perniagaan mereka dengan konsep ini.

4. Hubungan Perdagangan

i) Pengedar adalah kontraktor yang bebas dimana kejayaannya bergantung kepada ikhtiar dan daya usaha sendiri. Mereka tidak boleh dianggap sebagai agen ataupun wakil CITIDIRECT INTERNATIONAL. Pengedar tidak diizinkan membuat sebarang perubahan kepada produk-produk CITIDIRECT INTERNATIONAL. Kedua-dua pihak, iaitu pihak Pengedar dan CITIDIRECT INTERNATIONAL, tidak berhak untuk menyertai sebarang kontrak atau perjanjian atas nama pihak yang lain.

ii) Pengedar CITIDIRECT INTERNATIONAL boleh menyediakan masa dan strategi sendiri untuk membina perdagangan sekiranya dia mengikut peraturan-peraturan Buku Panduan Perdagangan.

iii) Pengedar bertanggungjawab untuk mengganti rugi CITIDIRECT INTERNATIONAL terhadap sebarang dakwaan, tuntutan, kewajiban, kerugian, kos ataupun perbelanjaan (termasuk, tapi bukan terhad kepada, bayaran munasabah bagi peguam) yang berkaitan dengan operasinya.

5. Kewajipan Pengedar CITIDIRECT INTERNATIONAL terhadap segala Cukai Pendapatan dan Undang-undang Perdagangan berkenaan

Ia adalah kewajipan Pengedar sendiri untuk membayar dan menjelaskan segala cukai-cukai yang dikenakan ke atas pendapatan sebagai Pengedar.

6. Kebenaran Kawasan Jualan / Perdagangan Antarabangsa

Pengedar boleh menyertai program-program CITIDIRECT INTERNATIONAL di mana-mana jua di dunia sekiranya dapat memenuhi keperluan permohonan keahlian.

7. Harga

Pengedar dapat membeli produk-produk CITIDIRECT INTERNATIONAL dengan harga pengedar, dan menjual produk-produk tersebut dengan harga yang tidak kurang/lebih daripada harga runcit terkini. CITIDIRECT INTERNATIONAL berhak mengubah harga jualan pada bila-bila masa tanpa notis terdahulu.

8. Persembahan bagi Pengedar-pengedar CITIDIRECT INTERNATIONAL

Setiap Pengedar CITIDIRECT INTERNATIONAL diminta untuk memperkenalkan produk-produk dan program-program CITIDIRECT INTERNATIONAL dengan kejujuran dan kejelasan kepada semua pelanggan dan Pengedar-pengedar yang lain ataupun Pengedar-pengedar yang berpotensi. Kewajiban itu termasuk perkara-perkara yang dibincang bawah:

- i) Pengedar tidak boleh menipu atau melalaikan sebarang kenyataan yang penting tentang program CITIDIRECT INTERNATIONAL. Pengedar harus memberi sebuah Buku Panduan Perdagangan kepada setiap Pengedar yang berpotensi untuk dibaca sebelum bersetuju atau pada masa menerima Borang Permohonan Keahlian Pengedar.
- ii) Pengedar harus menjelaskan bahawa program CITIDIRECT INTERNATIONAL bergantung kepada penjualan produk-produk CITIDIRECT INTERNATIONAL, dan tiada Pengedar boleh mencapai kejayaan dengan hanya menaja Pengedar lain dan tanpa penjualan.
- iii) Pengedar tidak boleh memberi jaminan atau kepastian atas pendapatan bagi Pengedar CITIDIRECT INTERNATIONAL. Mereka harus menjelaskan bahawa Pengedar CITIDIRECT INTERNATIONAL berpeluang mencapai kejayaan hanya melalui ketekunan dan kesungguhan.
- iv) Pengedar tidak boleh menipu ataupun menyalah nyata produk-produk CITIDIRECT INTERNATIONAL.
- v) Pengedar tidak boleh membuat diagnosis atau memberi rawatan kecuali ia seorang pakar kesihatan yang berlesen dan bertauliah.
- vi) Pengedar tidak boleh menyatakan bahawa Jabatan Kesihatan ataupun agensi kawalan yang lain telah mengizinkan atau menyokong pelan-pelan atau produk-produk syarikat. Agensi-agensi tersebut tidak dibenarkan untuk mengguna nama mereka sebagai rujukan ataupun mengguna di dalam iklan atau bahan jualan dari sebarang pertubuhan komersil.
- vii) Pengedar tidak boleh membuat pengakuan atas mana-mana produk CITIDIRECT INTERNATIONAL selain daripada kenyataan yang dicetak dalam bahan bacaan syarikat ataupun label-label terkini. Segala pernyataan mengenai pengenalan dan kegunaan produk mesti menurut polisi-polisi syarikat.

9. Melabel dan Membungkus

Pengedar CITIDIRECT INTERNATIONAL dilarang daripada membungkus semula mana-mana produk CITIDIRECT INTERNATIONAL ataupun menggunakan label-label yang belum diluluskan oleh syarikat.

10. Iklan dan Penggunaan Nama

i) Pengedar CITIDIRECT INTERNATIONAL tidak boleh mengiklan produk-produk atau program-program CITIDIRECT INTERNATIONAL dengan pernyataan yang tiada di dalam Sales Kit CITIDIRECT INTERNATIONAL terkini ataupun menggunakan iklan-iklan yang mana bentuk dan isinya belum dilulus oleh CITIDIRECT INTERNATIONAL dalam bentuk tulisan.

ii) Pengedar tidak boleh mengguna atau membiar orang lain menggunakan nama CITIDIRECT INTERNATIONAL, logo CITIDIRECT INTERNATIONAL atau nama-nama dan tanda-tanda perdagangan yang lain, atau fasa-fasa dan tanda-tanda tersendiri yang diguna oleh CITIDIRECT INTERNATIONAL dalam perniagaannya ataupun yang berkenaan dengan mana-mana produk secara langsung atau tidak langsung tanpa mendapat keizinan CITIDIRECT INTERNATIONAL dalam bentuk tulisan.

iii) Pengedar tidak boleh membuat pembelian atau menyertai urusan perniagaan dengan nama CITIDIRECT INTERNATIONAL atau memperkenalkan diri sebagai agen untuk pengilang-pengilang produk CITIDIRECT INTERNATIONAL.

iv) Bermula dari saat penamatan, pembatalan atau persaraan keahlian, pengedar berkenaan tidak lagi boleh menggunakan nama-nama dan tanda-tanda, ataupun sebarang tanda, label, alat, iklan dan bahan bacaan yang berkaitan dengan produk-produk CITIDIRECT INTERNATIONAL.

v) Pengedar boleh memilih nama perniagaan sendiri. Nama tersebut tidak boleh membayangkan bahawa mereka adalah pekerja ataupun agen untuk CITIDIRECT INTERNATIONAL. Sebaliknya, nama tersebut harus menjelaskan bahawa dia adalah seorang pengedar bebas. Pada bila-bila masa, seorang pengedar boleh memperkenalkan sendiri sebagai Pengedar CITIDIRECT INTERNATIONAL .

11. Pembatalan, Persaraan, Penamatan, Kematian atau Kecacatan

- i) Perlanggaran mana-mana peruntukan Buku Panduan ini, Kod Etika CITIDIRECT INTERNATIONAL, Perjanjian Pengedar atau lain-lain polisi dalam tulisan boleh menjadi alasan bagi tindakan penamatan keahlian pengedar oleh CITIDIRECT INTERNATIONAL. Selain daripada pembatalan keahlian, CITIDIRECT INTERNATIONAL berhak mendakwa pengedar berkenaan atas kerugian dan kerosakan yang disebabkan.
- ii) Jika Pengedar tidak membuat pembelian bulanan peribadi sebanyak 100BV dan atas selama enam bulan berterusan, keahliannya akan dibatalkan tanpa notis. Sekiranya mereka ingin menyertai Keahlian Pengedar CITIDIRECT INTERNATIONAL pada masa kelak, dia mesti memenuhi keperluan permohonan terkini.
- iii) Pengedar boleh membatalkan keahliannya dengan menulis kepada CITIDIRECT INTERNATIONAL. Downlinenya akan disambung terus kepada penajanya. Jika pengedar tersebut ingin menyertai Keahlian Pengedar CITIDIRECT INTERNATIONAL sekali lagi, mereka mesti tunggu sehingga enam bulan atau lebih bermula dari tarikh pembelian yang terakhir dalam rekod CITIDIRECT INTERNATIONAL. Dalam masa enam bulan itu, dia tidak berhak menyertai secara aktif atau pasif dalam aktiviti-aktiviti pembinaan perniagaan CITIDIRECT INTERNATIONAL.
- iv) Pengedar yang menyertai semula selepas pembatalan keahlian tidak akan mendapat kembali bonus, peringkat, ataupun kedudukannya dalam kumpulan dahulu.
- v) Sekiranya kematian atau kecacatan berlaku kepada seorang pengedar, perjanjian ini akan diturut oleh pengganti yang dipilih oleh pengedar tersebut.

12. Alasan untuk Perkhidmatan yang Kurang Memuaskan

Kedua-dua pihak iaitu CITIDIRECT INTERNATIONAL dan Pengedar tidak perlu bertanggungjawab terhadap segala penundaan dan kegagalan perkhidmatan yang disebabkan oleh keadaan yang tidak terhad, pemogokan, masalah pekerja, rusuhan, peperangan, kebakaran, kematian atau pengurangan pembekalan, ataupun arahan atau perintah dari kerajaan.

13. Penugasan dan Perwakilan

Pengedar tidak boleh (kecuali bertindak atas perintah mahkamah) menugaskan haknya atau mewakilkan perkhidmatannya sebagai Pengedar CITIDIRECT INTERNATIONAL tanpa mendapat keizinan CITIDIRECT INTERNATIONAL dalam bentuk tulisan. Tindakan penugasan atau perwakilan tanpa surat tulisan hanya boleh dilaksanakan oleh CITIDIRECT INTERNATIONAL. CITIDIRECT INTERNATIONAL boleh menugas atau memberi hak atau tugas kepada pengedar-pengedar yang CITIDIRECT INTERNATIONAL percaya dapat memenuhi keperluan dan menanggung kewajibannya.

14. Jaminan Terhad

CITIDIRECT INTERNATIONAL memberi jaminan kualiti produk-produk CITIDIRECT INTERNATIONAL dan akan mengganti mana-mana produk yang rosak. Sesiapa yang memulangkan produk yang rosak harus menulis satu pernyataan tentang segala kerosakan yang didapati, seperti yang dicetak dalam Buku Panduan Perdagangan dan bahan bacaan CITIDIRECT INTERNATIONAL yang lain.

15. Pelanggaran

CITIDIRECT INTERNATIONAL menafikan dan mengecualikan segala jaminan berkaitan dengan kemungkinan pelanggaran hak cipta, tanda perniagaan, nama perdagangan Malaysian dan negara asing ataupun kerosakan yang disebabkan oleh pengedar sendiri. Pengedar tidak berhak memohon penggantian jika keadaan di atas berlaku. Pengedar harus memaklumi CITIDIRECT INTERNATIONAL selepas dia mendapat tahu sebarang dakwaan atau tuntutan yang berkaitan dengan keadaan di atas terwujud.

16. Bahan yang Berhak Cipta

Semua bahan bacaan dan program-program CITIDIRECT INTERNATIONAL mempunyai hak cipta dan tidak boleh diduplikasi tanpa keizinan CITIDIRECT INTERNATIONAL dalam bentuk tulisan. Penedar yang terjumpa membuat duplikasi atau mengagih salinan bahan bacaan atau program-program tanpa keizinan yang melanggar Perjanjian Penedar atau Buku Panduan Perdagangan akan dibatalkan keahliannya.

17. Peraturan-peraturan Eksklusif

Buku Panduan ini, Borang Permohonan Keahlian dan Perjanjian Penedar CITIDIRECT INTERNATIONAL, dan segala alat dan dokumen mempunyai peraturan-peraturan yang harus dihormati. Buku Panduan Perdagangan dan Perjanjian Penedar mungkin diubahsuai dari masa ke masa dengan notis yang ditandatangani oleh pegawai atau CITIDIRECT INTERNATIONAL. Jika berlaku sebarang ketidakselarasan, peraturan-peraturan dan syarat-syarat dalam Buku Panduan ini akan digunakan.

18. Pengampunan

Walaupun CITIDIRECT INTERNATIONAL tiada melaksanakan menuntut haknya seperti yang dicetak dalam Buku Panduan Perdagangan, Perjanjian Penedar atau kewajiban penedar pada masa perlanggaran peraturan, ia tidak bermakna CITIDIRECT INTERNATIONAL tidak akan bertindak selepas itu. Pengampunan hanya akan berkesan selepas penerimaan surat atau notis dari CITIDIRECT INTERNATIONAL dalam bentuk tulisan.

Sekiranya buku panduan ini mempunyai kesilapan dalam bahasa, pihak syarikat akan menggunakan panduan yang dicetakan dalam Bahasa Enggeris dan berhak membuat rujukkan penuh pada setiap masa.